

Rujukan : UKM HTM. 3/224/2/4
Tarikh : 30 September 2025

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 10/2025

Ketua / Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC) DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (UKM)

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan **Surat Edaran Bendahari Bil. 10/2025** bertarikh **27 Ogos 2025** adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) telah dikuatkuasakan sepenuhnya bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan pada tahun 2024 dan mulai 1 Julai 2025, pelaksanaan TCC ini juga telah diperluaskan kepada perolehan kerja.

3. Jabatan Kewangan HCTM juga telah melaksanakan pematuhan TCC bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui kaedah perolehan sebut harga dan tender, dimana semua pembida yang menyertai kaedah perolehan tersebut **WAJIB** mengemukakan TCC kepada pihak universiti manakala bagi kaedah perolehan secara pembelian/ lantikan terus dan perolehan kerja, pemakaian TCC akan dikuatkuasakan mulai **1 Oktober 2025**.

4. Pelaksanaan pematuhan TCC akan diseragamkan bagi semua kaedah dan jenis perolehan berdasarkan mekanisme berikut :-

- a) Berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2025**
- b) Tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh syarikat bagi perolehan yang dilaksanakan **sebelum 1 Oktober 2025 akan dikecualikan** daripada mengemukakan TCC
- c) **Semua jenis bayaran tanpa Pesanan Rasmi**, TCC wajib dikemukakan semasa proses tuntutan bayaran
- d) Perolehan yang dilaksanakan melalui PK7: Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan; **TCC perlu dikemukakan sebagai dokumen wajib**. PTj hendaklah **memastikan** syarikat mempunyai TCC yang berstatus "Patuh" dan masih dalam tempoh sah laku semasa kajian pasaran dibuat.



BAHAGIAN PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
JalanYaacob Latif, Bandar TunRazak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon.: +603-9145 5216 / 5209 / 5324 / 5323 Faks: +603-9145 6653 Laman Web: <https://kewangan.hukm.ukm.my>

5. Bagi memastikan pematuhan pelaksanaan TCC seperti yang ditetapkan, berikut merupakan tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTj) yang perlu diikuti :-

- a) Keperluan **mewajibkan TCC dikemukakan akan dipaparkan secara automatik di Sistem eP@UKM** semasa pembida mengemukakan tawaran
 - b) Semua pembida yang menyertai perolehan UKM **wajib** memastikan syarikat mempunyai TCC yang berstatus "Patuh" dan masih dalam tempoh sah laku (Rujuk Lampiran 1 : Contoh Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate, TCC)
 - c) Syarikat **tidak boleh disyor dan tidak boleh dilantik** sekiranya TCC yang dikemukakan berstatus "Tidak Patuh" atau "Tamat Tempoh" atau "tidak sah (palsu)"
 - d) Pastikan syarikat mengemukakan TCC semasa membuat tuntutan bayaran tanpa Pesanan Rasmi
6. Sukacita sekiranya pihak YBhg. Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dengan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan di PTj. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan di sambungan 5216 / 5208 / 5198 / 5324 / 5323 / 5207 / 6061 atau e-mel ke upts@hctm.ukm.edu.my.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP C.A.(M)

Ketua Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

- s.k - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah bin Haruna Rashid**
Pro Naib Canselor, Kampus Kuala Lumpur
- **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



BAHAGIAN PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon.: +603-9145 5216 / 5209 / 5324 / 5323 Faks: +603-9145 6653 Laman Web: <https://kewangan.hukm.ukm.my>